

SMK SULTANAH HAJJAH KALSOM

**UJIAN SELARAS (1)
PENDIDIKAN ISLAM TINGKATAN 3**

**BAHAGIAN A (10 markah)
(JAWAB SEMUA SOALAN)**

1. Apakah maksud *al-Ghoniyy*?
(A Tidak memerlukan kepada yang lain)
(B) Memberi rezeki
(C) Mempunyai kemewahan
(D) Maha kuat

2. Berikut merupakan bukti Allah bersifat *al-Ghoniyy* KECUALI
(A Allah menguasai seluruh langit dan bumi)
(B) Semua makhluk sentiasa berhajat kepada Allah
(C) Allah tidak berhajat kepada ketaatan makhluk
(D) Allah mencukupkan keperluan makhluk mengikut permintaannya

3. Pilih jawapan yang benar tentang nama Allah *ar-Razzaq*
(A Nama Allah yang menunjukkan Allah pemberi rezeki)
(B) Sifat Allah yang mutlak
(C) Allah memberi rezeki hanya kepada manusia dan makhluk yang dapat dilihat
(D) Allah tidak pernah menyempitkan rezeki seseorang

4. Pilih contoh amalan Fardu Ain yang tepat
(A) Menguruskan jenazah
(B) Menunaikan Solat Jumaat
(C) Membekalkan makanan halal
(D) Menutup aurat

5. Berikut merupakan kesan penghayatan fardu ain kepada negara KECUALI
(A Membentuk masyarakat yang bertanggungjawab)
(B) Negara aman dan damai
(C) Ekonomi negar aberkembang pesat
(D) Pembangunan negara lebih terancang

6. Fardu ain merupakan perkara yang _____ dilaksanakan oleh setiap orang
 (A) Kemestian
 (B) Sunat
 (C) Harus
 (D) Wajib
7. Berikut merupakan kesan penghayatan fardu ain kepada negara KECUALI
 (A Membentuk masyarakat yang bertanggungjawab
)
 (B) Negara aman dan damai
 (C) Ekonomi negara berkembang pesat
 (D) Pembangunan negara lebih terancang
8. _____ bersama 200 orang tentera cuba menghalang Rasulullah (saw) daripada memasuki Mekah
 (A Khalid bin Al-Walid
)
 (B) Suhail bin Amru
 (C) Budail bin Warqa'
 (D) Urwah bin Mas'ud
9. Perjanjian yang dilaksanakan oleh orang Islam untuk terus setia dengan Rasulullah (saw)
 (A) Piagam Madinah
 (B) Fathu Mekah
 (C) Perjanjian Hudaibiah
 (D) Baiah Ridhwan
10. Bagaimanakah Perjanjian Hudaibiah memberi kelebihan kepada orang Islam
 (A) Umat Islam dapat menuntut bela
 (B) Umat Islam mendapat pengiktirafan musyrikin Quraisy
 (C) Dakwah Islam dapat disebar dengan lebih meluas
 (D) Rasulullah diangkat menjadi pemimpin


BAHAGIAN B (10 markah)
(JAWAB SEMUA SOALAN)

1 (a) Firman Allah swt :

قَالَ رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنفُسَنَا وَإِن لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا

لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Ayat di atas menerangkan tentang pengampunan Allah kepada hamba-Nya :
Padankan potongan ayat dengan maksud yang betul



(2 markah)

1 (b) Tulis **(X)** bagi cara mendapat rahmat Allah dan **(Y)** bagi langkah mendapat keampunan Allah

Mengaku kesalahan	Y
Berlaku adil terhadap orang lain	X
Berkasih sayang sesama anggota	X
Tidak berputus asa memohon keampunan Allah	Y

(4 markah)

1(c) Tulis semula petikan di bawah menggunakan tulisan jawi

Kita perlulah sentiasa berdoa dan memohon rahmat kepada Allah supaya termasuk dalam kalangan orang yang beruntung

(4 markah)

BAHAGIAN C (10 markah)
(JAWAB SEMUA SOALAN)

2 (a) Garis jawapan yang betul dalam kurungan

- i. Allah al-Ghaniy bermaksud Allah yang Maha (berkuasa/kaya)
- ii. Bukti Allah bersifat dengan al-Ghaniy ialah Allah (mencipta/menguasai) langit dan bumi
- iii. Rezeki makanan dan minuman merupakan rezeki (zahir/batin)
- iv. Allah akan menambah rezeki sekiranya seseorang hamba sentiasa (bersyukur/bertaubat)

(4 markah)

2 (b) Jelaskan kesan seseorang beriman dengan Allah *al-Ghaniy*

(ayat lengkap)

Seseorang itu akan sentiasa bersyukur kepada Allah SWT di atas nikmat yang dikurniakan.

(2 markah)

2 (c) Hampir setiap orang mengimpikan untuk menjadi seorang yang ternama dan memiliki harta yang banyak. Sekiranya ada peluang menjadi seorang jutawan, bagaimanakah cara terbaik untuk anda membantu sekolah lama anda supaya lebih cemerlang dan dapat bersaing dengan sekolah-sekolah lain dengan lebih mantap

Jawapan berkaitan dengan cara

Cadangan isi: - memberikan bantuan kewangan

(4 markah)

BAHAGIAN D (10 markah)
(JAWAB SEMUA SOALAN)

3 (a) Isi tempat kosong dengan jawapan yang betul

Individu	Tidak diampunkan	Masyarakat	Berdosa
----------	------------------	------------	---------

- i. Fardu Ain merupakan perkara yang wajib dilaksanakan oleh setiap Individu

- ii. Sekiranya terdapat sebahagian anggota masyarakat melaksanakan Fardu Kifayah, maka tidak berdosa

(2markah)

3 (b) Isi jawapan dengan pilihan jawapan yang tepat

Fardu Ain

Fardu Kifayah

- | | | |
|------|---|----------------------|
| i. | Kamil berpuasa sebulan pada Bulan Ramadhan | <u>Fardu Ain</u> |
| ii. | Pn Sharina bekerja sebagai pereka fesyen pakaian muslimah | <u>Fardu Kifayah</u> |
| iii. | Aidid mempelajari ilmu perubatan | <u>Fardu Kifayah</u> |
| iv. | Faqih menunaikan Solat Asar berjemaah | <u>Fardu Kifayah</u> |

(4 markah)

3 (c)

Salah faham terhadap perkara Fardu Kifayah akan menyebabkan umat Islam dipandang hina dan ketinggalan dalam segenap perkara

Huraikan hujah anda bagi menyokong pernyataan di atas

Jawapan berkaitan dengan kelebihan mempelajari ilmu fardhu kifayah

Cadangan isi : - umat Islam akan lebih maju

- Umat Islam akan dipandang tinggi

(4 markah)

BAHAGIAN E (10 markah)
(JAWAB SEMUA SOALAN)

4 (a) Senaraikan dua isi kandungan Perjanjian Hudaibiah

- Rasulullah dan sahabat tidak dibenarkan memasuki mekah dan mengerjakan umrah pada tahun tersebut
- gencatan senjata selama 10 tahun
- mana-mana kabilah terikat dengan perjanjian hudaibiyah
- orang mekah yang lari ke madinah perlu dikembalikan ke mekah sebaliknya orang madinah

yang lari ke mekah tidak perlu dikembalikan

(2 markah)

3 (b) Isi jawapan dengan pilihan jawapan yang tepat

Baiah Ridhwan

Perjanjian Hudaibiah

- | | | |
|------|---|-----------------------------|
| i. | Tiada peperangan dalam tempoh 10 tahun | <u>Perjanjian Hudaibiah</u> |
| ii. | Orang Mekah yang memasuki Madinah akan dipulangkan | <u>Perjanjian Hudaibiah</u> |
| iii. | Umat Islam akan setia bersama Rasulullah (saw) | <u>Baiah Ridhwan</u> |
| iv. | Umat Islam hanya dibenarkan menunaikan umrah 3 hari | <u>Perjanjian Hudaibiah</u> |

(4 markah)

3 (c) Pemaaf merupakan sifat terpuji yang ditunjukkan oleh Rasulullah (saw) apabila berhadapan dengan musuh-musuh Islam. Sikap pemaaf Rasulullah (saw) merupakan antara kunci utama dakwah tersebar ke seluruh pelusuk alam. Bincangkan perkara di atas dengan mengaitkan sifat pemaaf dengan dakwah Islam.

Jawapan berkaitan dengan kelebihan sifat pemaaf

Cadangan isi: - dapat menarik minat orang bukan Islam untuk memeluk Islam

-dapat menarik minat orang Islam untuk mendalami Islam dengan lebih mendalam

(4 markah)

----- Soalan Tamat -----